

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

A. KELAYAKAN PEMOHON

- i. Warganegara Malaysia atau warganegara asing yang Kerajaan di negara asalnya turut sama memberi keistimewaan yang setara kepada warganegara Malaysia yang berada di negaranya.
- ii. Berumur 18 tahun keatas pada tarikh ujian dijalankan.
- iii. Telah memiliki Penguntukan Radas Stesen Radio Amatur yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tempoh sekurang-kurangnya satu tahun dari tarikh ujian dijalankan.

B. BAYARAN YURAN UJIAN

- i. Jumlah bayaran yuran ujian termasuk yuran pemprosesan ialah **RM 50.00** sahaja.
- ii. Bayaran hendaklah dijelaskan melalui:-
 - (a) KIRIMAN WANG / WANG POS MALAYSIA; atau
 - (b) DERAJ BANK yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan sahaja dan dibayar kepada "**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**".
- iii. Bayaran hendaklah disertakan bersama borang permohonan dan mestilah sampai kepada SKMM sebelum tarikh tutup permohonan.
- iv. Bayaran yuran bagi permohonan yang diluluskan, **TIDAK** akan dikembalikan atas sebarang sebab sekali pun, termasuklah kegagalan pemohon menduduki ujian pada masa yang ditetapkan atas apa juga sebab.
- v. Hanya bayaran bagi permohonan yang gagal atau tidak lengkap akan dikembalikan.

C. PENYERAHAN BORANG

- i. Borang yang lengkap beserta bayarannya hendaklah diserahkan ke ibu pejabat SKMM dialamat berikut:

***Bahagian Teknologi, Standard dan Rangkaian
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Jalan IMPACT
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan***

D. DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

Permohonan mestilah disertakan dengan satu salinan benar dokumen-dokumen yang berikut.

- i. Satu Salinan **Kad Pengenalan** atau **Pasport** atau **Kad Kuasa**; dan
- ii. Satu salinan **Penguntukan Radas Stesen Radio Amatur (Kelas B)**

E. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Borang permohonan berserta bayaran yuran ujian yang diterima selepas tarikh tutup permohonan akan dianggap permohonan yang **GAGAL** dengan sendirinya.
- ii. Bukti Pos bukanlah bukti penerimaan dan sebarang rayuan berkaitan tidak akan dilayan.
- iii. SKMM berhak sepenuhnya untuk menentukan Tarikh, Masa dan Tempat ujian seseorang calon dan sebarang permohonan untuk pertukaran jadual tidak akan dilayan.
- iv. Calon yang berjaya dikehendaki untuk menghadirkan diri di tempat ujian yang telah ditetapkan tempat dan masanya, selewat-lewatnya 30 minit sebelum ujian bermula.
- v. Calon yang lewat menghadirkan diri di tempat ujian, atas apa juga sebab sekali pun, **TIDAK** akan dibenarkan menduduki ujian tersebut walau apa pun alasannya.
- vi. SKMM mempunyai hak mutlak untuk menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebarang sebab.
- vii. SKMM mempunyai hak mutlak untuk meminda sebarang Peraturan, Syarat dan Prosedur permohonan ini yang dirasakan perlu dari masa kesemasa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

F. PEMBERITAHUAN

- i. Setiap calon yang layak akan diberitahu melalui pos biasa tarikh, masa dan tempat ujiannya sebelum tarikh sesuatu ujian yang dijadualkan untuknya dilangsungkan.
- ii. SKMM berhak untuk meminda tarikh, masa dan tempat atau membatalkan sesuatu ujian yang telah dijadualkan sekiranya dirasakan perlu di atas budibicaranya sendiri.
- iii. Sebarang kesulitan, kerugian dan sebagainya yang mungkin dihadapi oleh pemohon adalah di atas tanggungan pemohon itu sendiri dan SKMM tidak akan bertanggungjawab ke atasnya.